



■ SITI ANIDA MAHADI

SILAT

Siti Anida lega dapat berlatih

CUTI semesta selama sebulan mulai minggu lalu melegakan Siti Anida Mahadi untuk memberi tumpuan sepenuh kepada latihan pusat bermula hari ini untuk Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini, **Lapor RAHIME YUSOF.**

Mahasiswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dipilih mewakili negara selepas menumpaskan Fatimah Kamarullah dari Johor untuk menjuarai Kelas D dalam pertandingan pemilihan kelmarin.

Kejayaan cemerlang itu memberi laluan baik menebus kembali kegagalan di Jakarta kerana kemungkinan sebahagian besar pesilat wanita dalam kejuaraan itu adalah kalangan yang bertanding di Sukan SEA lalu.

Katanya, hanya dengan azam dan semangat dia mampu mengekalkan kedudukan dalam senarai pasukan kebangsaan. "Saya sudah tidak bermaya untuk meneruskan perlakuan itu kerana kurang *stamina*.

Beliau tidak mempunyai masa untuk menjalani latihan untuk menghadapi pemilihan semula itu menyebabkan dia kekurangan

stamina untuk bertindak lebih mantap.

"Saya terpaksa menumpu sepenuh perhatian kepada pelajaran kerana menghadapi peperiksaan dan tidak berpeluang langsung untuk berlatih," jelas Siti Anida.

Pengalaman ketika bertanding di Sukan SEA Jakarta lalu banyak membantunya untuk menjuarai kelas itu selepas membaca teknik dan taktik permainan lawan.

"Sungguhpun tidak memenangi sebarang pingat di Jakarta lalu tetapi banyak pengajaran yang boleh dijadikan panduan untuk menghadapi kejuaraan dunia nanti.

Beliau bertambah yakin kali ini apabila dapat menumpu sepenuh perhatian kepada latihan pusat kerana tidak mengganggu kuliah hariannya.

Ketika menghadapi Sukan SEA, dia tidak dapat mengikuti

Ketua jurulatih belum pasti

KETUA jurulatih silat kebangsaan, Mohd Sani Murni belum pasti at melatih pesilat-pesilat negara bagi menghadapi Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini. Di berikutan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) belum lagi menghantar surat bagi memudahkannya memcuti daripada majlikan sedangkan latihan pusat bermula ini.

"Saya belum menerima sebarang surat daripada Pesaka sebarang mengenai dia dipilih sebagai jurulatih untuk dikemudikan kepada majlikan," kata Mohd Sani.

Menyentuh mengenai peraturan ditetapkan oleh majlikan permohonan perlu dibuat dua minggu sebelum tarikh percutian. Walaupun ditambah jurulatih itu, surat rasmi daripada Pesaka itu juga bagi membolehkan cuti bergaji.

Mohd Sani kecewa dengan kelewatan Pesaka menghantar surat rasmi itu dan bergantung kepada majlikan sama ada meluluskan atau tidak.

Siti Anida hanya diberitahu dipilih sebagai ketua jurulatih tetapi